

# Prof Mohamad Shatar dilantik TNC HEPA UPM

**Serdang:** Prof Dr Mohamad Shatar Sabran, dilantik Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 15 Mac lalu hingga 14 Mac 2016.

Beliau menggantikan Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan yang dilantik sebagai Naib Canselor UPM pada 1 Januari lalu.

Prof Mohamad Shatar, 46, bertanggungjawab dalam keseluruhan pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) serta pembangunan pelajar universiti yang merangkumi Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Pusat Sukan, Pusat Alumni, Kolej, Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) dan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).

Pengurusan UPM menyifatkan pelantikan Prof Mohamad Shatar akan mendukung matlamat universiti untuk melahirkan graduan berkualiti bagi meningkatkan kebolehpasaran serta memperkasakan pelajar UPM dengan penguasaan kemahiran insaniah serta kemahiran perniagaan.



pat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bota Kiri, Perak dan menyambung pelajarannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yaakub, Bota Kanan, Perak seterusnya di Sekolah Menengah Teknik Ipoh.

Beliau mempunyai kelulusan American Associate Degree, Indiana University of Bloomington; Bachelor dan Sarjana Science in Community and Regional Planning Iowa State University, Ames, Iowa serta ijazah doktor falsafah daripada University of Missouri, Colombia.

Anak kelahiran Perak itu berkhidmat di UPM lebih 19 tahun sejak 1994, bermula sebagai tutor di Jabatan Sains Sosial di Fakulti Ekologi Manusia, UPM dan dilantik sebagai Profesor Madya pada 2008 sebelum dinaikkan pangkat kepada profesor.

Beliau menyandang jawatan pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia pada 1999 hingga

2004 sebelum dilantik sebagai pensyarah kanan pada 2004 hingga 2008.

Dalam tempoh itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar pada 2006 hingga 2013.

## Pencapaian

Antara perkhidmatan perundingan profesional beliau pada peringkat antarabangsa ialah Tomorrow People Organization, Asian Productivity Organization dan Community Development Academy sementara pada peringkat nasional ialah bersama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengenai Pembangunan Manusia, Gagasan Badan Ekonomi Melayu dan National Drug Prevention Agency.

Sepanjang perkhidmatan di UPM, beliau sememangnya aktif dalam pengajaran dan penyelidikan dalam bidang pembangunan masyarakat. Antara pengiktirafan akademik tertinggi dikecapai beliau ialah menerima Anugerah Akademik Negara kategori Sastera dan Sains Sosial pada 2010.

Pengalaman beliau yang luas dalam bidang pembangunan masyarakat mempelbagaikan kepakarannya dalam bidang penduduk luar bandar, pembangunan kemahiran insaniah, permasalahan sosial, modal insan, keibubapaan, remaja dan motivasi.

## Latar belakang

Prof Mohamad Shatar menda-